

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 25.07.2025 MASA: 4.00PM

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN
ABDUL HAMID
DATUK BANDAR**

SEMPENA

**MAJLIS JASAMU DIKENANG
PUAN TPR. NURVANIDA ALISHA BINTI SINNAPPAN**

TARIKH / MASA / TEMPAT

**29 JULAI 2025 (SELASA)
11.00 PAGI**

**RUANG KERAIAN TINGKAT 16, MENARA BANDARAYA
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI
SEBERANG PERAI TENGAH**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh,

Selamat Pagi, Salam Sejahtera, Salam Penang2030 dan Salam Malaysia MADANI,

1. Marilah kita bersama-sama merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya juga, kita dapat berhimpun pada pagi yang penuh makna ini dalam **Majlis Jasamu Dikenang** bagi meraikan seorang pegawai yang amat kita hormati dan sayangi, iaitu **Puan TPr. Nurvanida Alisha Binti Sinnappan**.
2. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Puan TPr. Nurvanida Alisha atas segala jasa, pengorbanan dan khidmat bakti yang telah dicurahkan sepanjang tempoh perkhidmatan bersama Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) sejak 1 Januari 2020.
3. Setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah turut saya rakamkan kepada barisan Ahli Majlis, Ketua-Ketua Jabatan, Pegawai-Pegawai Kanan serta seluruh para hadirin yang sudi meluangkan masa untuk hadir pada pagi yang bermakna ini. Kehadiran tuan-tuan dan puan-puan bukan sahaja menyerikan majlis, malah menjadi simbol sokongan dan penghormatan tulus kepada Puan TPr. Nurvanida Alisha yang diraikan.

Sesungguhnya, majlis ini memperlihatkan nilai kebersamaan dan penghargaan yang amat tinggi dalam kalangan warga MBSP.

4. Lima (5) tahun bukan satu tempoh yang singkat. Ia adalah suatu perjalanan yang sarat dengan pelbagai cabaran, pengalaman dan kenangan yang telah membentuk dan memperkuuh pasukan kerja di MBSP. Sepanjang perkhidmatannya, Puan TPr. Nurvanida telah mempamerkan tahap profesionalisme, komitmen kerja, integriti dan semangat berpasukan yang amat membanggakan.
5. Sumbangan beliau dalam bidang perancangan bandar telah membawa nilai tambah yang signifikan kepada landskap perbandaran Seberang Perai. Pandangan strategik serta ketajaman analisis beliau dalam merangka dasar dan pelan pembangunan telah menyumbang ke arah pembentukan bandaraya yang lebih mampan, inklusif dan berpaksikan komuniti.
6. Keperibadian beliau yang tenang, beradab serta mudah didekati telah menjadikan beliau seorang pegawai yang dihormati, disegani dan disenangi oleh rakan-rakan sekerja mahupun pihak berkepentingan luar.
7. Berkuat kuasa 1 Julai 2025, Puan TPr. Nurvanida telah melangkah ke episod baharu dalam kerjaya beliau dengan menyertai Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Pulau Pinang (PLANMalaysia Pulau Pinang). Walaupun pemergian ini satu kehilangan besar buat

MBSP, namun kami percaya bahawa beliau akan terus mencipta kecemerlangan di pentas yang lebih luas.

8. Saya, bagi pihak seluruh warga kerja MBSP, ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih yang setulusnya atas segala sumbangan yang telah diberikan. Sesungguhnya, keberadaan puan telah meninggalkan kesan yang amat mendalam; bukan sahaja dalam memperkasa prestasi organisasi, malah dalam menyemai budaya kerja yang harmonis dan profesional.
9. Adalah menjadi harapan saya agar hubungan baik dan ukhuwah yang telah terbina sekian lama akan terus berkekalan, meskipun puan kini berkhidmat di tempat yang berbeza. Semoga pertukaran ini membuka lebih banyak ruang untuk puan menyerlahkan kepakaran dan menyumbang secara lebih meluas kepada pembangunan negeri Pulau Pinang.
10. Kepada Puan TPr. Nurvanida Alisha, saya ucapkan Selamat Maju Jaya, semoga terus melakar kecemerlangan dan kejayaan dalam setiap amanah yang digalas. Teruskan memberi inspirasi, menyinari organisasi dengan ilmu, bakti dan keperibadian mulia yang menjadi kekuatan puan selama ini.
11. Akhir kata, terima kasih atas segala jasa, bakti dan kenangan indah yang puan tinggalkan di MBSP. Kami mendoakan agar puan sentiasa

berada dalam lindungan Allah SWT, dikurniakan kesihatan yang baik serta terus cemerlang di mana jua berada.

Sekian, terima kasih.

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.***